

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Sent: Tuesday, 12 April, 2016 12:37 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Subject: SAPSP ONLINE: DISCOVER UUM 2016 - KEM KAUNSELING F1: BECOMING AN 'A' PERSON



Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia



**“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Y.Bhg Dato’/Prof./Dr./Tuan/Puan



DISCOVER UUM 2016 - KEM KAUNSELING F1: *BECOMING AN 'A' PERSON*

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial dan Dasar (SAPSP) telah mengganjurkan Program Kem Kaunseling F1: *Becoming An 'A' Person* telah diadakan pada 8 dan 9 April 2016 bertempat di DPP Bank Muamalat UUM. Seramai 46 orang pelajar tahun 6 dari Sekolah Kebangsaan Institut Pendidikan Guru Malaysia Perlis, yang ditemani empat (4) orang guru pengiring telah mengikuti kem kaunseling selama 2 hari 1 malam, yang bertujuan menyuntik semangat dan membimbing pelajar-pelajar tersebut menggandakan usaha untuk mengejar 'A' dan semua matapelajaran UPSR pada September 2016 nanti.

Kem kaunseling turut mensasarkan kemenjadian akhlak yang terpuji dalam pelajar tersebut. Mereka telah diberikan tiga (3) sesi kaunseling secara individu oleh kaunselor pelatih dari program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling kohort 9 selama tempoh tersebut. Selain menikmati kehijauan alam dalam kampus mereka turut disajikan dengan aktiviti riadah, solat berjemaah, tazkirah, kelompok besar dan aktiviti-aktiviti penyegar yang sungguh menyentuh jiwa dan semangat membara mereka.

Besar harapan Puan Norsharmila Shaari, Guru Besar sekolah tersebut, agar anak-anak Sekolah Kebangsaan Institut Pendidikan Guru Malaysia Perlis, akan mengamalkan semua tips yang diperolehi sepanjang kem di dalam kehidupan harian mereka nanti. Program ini dijalankan di bawah penyeliaan sepanjang masa oleh Puan Sabasiah Husin (K.B, P.A) (MAL) pensyarah Kursus, SSKC2313 Kemahiran Menolong, Program Kaunseling, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial dan Dasar (SAPSP).

SEKIAN.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

MALAYSIA

Phone : +60 (4) 928 5711/5717

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my

